

25/03/2002

`Nik Aziz keliru'

GEORGETOWN, Ahad - Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, menyifatkan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, terkeliru ketika menyifatkan Malaysia sebagai negara Islam "segera".

"Saya tidak terperanjat dengan komennya itu kerana mereka (Pas) sendiri ada bertindak segera berhubung larangan untuk wanita bertanding dalam pilihan raya dulu.

"Mereka juga pernah melarang wanita cantik bekerja tetapi kemudian dengan segera juga mengubah larangan itu semula.

"Sebenarnya kita memang sudah menjadi negara Islam lama dulu, cuma masanya tidak sesuai untuk perkara itu diumumkan secara khusus dan terbuka.

"Sekarang, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkannya kerana tepat pada masanya. Jika tidak buat pengumuman itu, kita akan ditimpa bahaya yang lebih besar, katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat agung pertama Persatuan Melayu Tanjung (Permata) di Hotel Sheraton, pagi ini.

Nik Abdul Aziz ketika membuat kenyataan itu berkata:

"Dulu mereka kata Malaysia tak boleh jadi negara Islam atas faktor masyarakat majmuk, tahu-tahu diisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam.

"Selama ini kita ada karipap segera dan mi segera, sekarang kita ada negara Islam segera," katanya pada majlis solat hajat dan ceramah Hijratul Rasul di Stadium Sultan Mohammed IV di Kota Bharu, malam kelmarin.

(END)